

# SOROTAN LITERATUR TERHADAP FAKTOR PENGABAIAAN WARGA TUA DALAM KOMUNITI DI MALAYSIA, CABARAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

*Hasiah Mat Salleh<sup>9</sup>  
Siti Marsitah Mohd Mokhtar<sup>10</sup>*

## ABSTRAK

*Pengabaian warga tua merupakan satu permasalahan sosial yang dipandang serius mutakhir ini. Berdasarkan laporan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia terbitan oleh Lancet Global Health mendapati 34.7 peratus warga tua yang berusia melebihi 60 tahun mengalami pelbagai bentuk penderaan dan pengabaian. Angka ini akan terus meningkat dengan berlakunya peningkatan kadar warga tua dunia dan kepesatan revolusi industri 4.0. Walaubagaimanapun laporan dan kajian berkaitan pengabaian warga tua masih kurang didedahkan. Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka secara ilmiah aspek pengabaian warga tua di Malaysia yang berlaku dalam komuniti di Malaysia, faktor-faktor pendorong dan peranan masyarakat setempat dalam menangani permasalahan ini. Metodologi dalam kajian ini adalah merangkumi rekabentuk kualitatif bagi memperolehi maklumat berkaitan melalui sorotan kajian. Perbincangan isu ini adalah menggunakan analisis kandungan artikel-artikel jurnal dan buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan isu pengabaian. Hasil kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa sikap individualistik dan materialistik, peningkatan kerjaya, jurang komunikasi, tiada kepercayaan oleh warga tua, taraf kesihatan dan masalah kewangan antara faktor utama yang mendorong berlakunya pengabaian terhadap warga tua berlaku di Malaysia. Beberapa langkah yang sesuai bagi menangani isu tersebut juga turut dibincangkan khususnya dalam menghadapi cabaran revolusi industri 4.0.*

**Kata kunci:** *Pengabaian, Warga Tua, Anak Dewasa, Peranan, Komuniti*

## PENGENALAN

Proses penuaan telah menjadi satu fenomena global dunia yang turut berlaku di Malaysia. Menurut kajian yang dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 2007 bilangan warga tua di Malaysia akan mencecah sebanyak 15 peratus dari keseluruhan penduduk (Noraini et.al 2015). Kemajuan dan kemodenan yang dicapai pada masa kini dan akan datang, serta taraf kesihatan yang lebih baik adalah antara faktor perubahan ini dan memberi kesan kepada kesejahteraan warga tua (Raymond,2016). Pelbagai kemajuan dalam industri perubatan menyebabkan jangka hayat berdasarkan gender menunjukkan jangka hayat warga tua wanita telah adalah lebih tinggi dengan peningkatan umur daripada 77 tahun (2011) kepada umur 79 tahun (2013) berbanding umur lelaki ialah 77 tahun pada tahun 2013 (Utusan Malaysia, 2013). Salah satu sumbangan ke arah penambahbaik jangka hayat antara gender ialah melalui proses gender mainstreaming yang telah berlaku di Malaysia yang menyebabkan taraf kesihatan wanita kian meningkat dan memberi impak kepada pengikatan hayat (Nur Syakiran Akmal, 2016).

---

<sup>9</sup> Penulis merupakan pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

<sup>10</sup> Penulis merupakan pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

Dalam menghadapi cabaran revolusi industri 4.0 selain cabaran ke atas budaya dan moral masyarakat, Malaysia juga akan berdepan dengan situasi pengabaian terhadap warga tua yang merupakan populasi terbesar bagi penduduk pada tahun 2035. Menurut The American Psychological Association (2012) menyatakan bahawa terdapat lima perbuatan yang termasuk dalam bentuk-bentuk penderaan iaitu penderaan fizikal, penderaan psikologi atau emosi, seksual, kewangan atau harta dan pengabaian. Oleh yang demikian pengabaian warga tua adalah suatu bentuk penderaan (Bidin, Harun, Salleh, & Hamid, 2019).

Terdapat dua jenis pengabaian iaitu pengabaian oleh penjaga dan pengabaian terhadap diri sendiri. Antara tindakan yang pengabaian oleh penjaga ialah kegagalan penjaga untuk menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian, perubatan dan kediaman terhadap warga tua. Ia boleh berlaku apabila penjaga meninggalkan warga tua bersendirian di rumah dan cuai dari aspek penjagaan diri, kebersihan dan kesihatan mereka (Bidin et al., 2019). Pengabaian terhadap diri sendiri pula adalah merujuk kepada pengabaian oleh seorang warga tua terhadap diri mereka sendiri. Keadaan ini berlaku apabila warga tua tersebut dengan sendirinya cuai menjaga diri mereka, kebersihan diri dan sekitar tempat tinggal, enggan mengambil ubat seperti yang ditetapkan oleh doktor atau enggan untuk makan seperti yang sepatutnya.

Di antara dua jenis pengabaian di atas, pengabaian warga tua yang dilakukan oleh penjaga dari kalangan anak dewasa telah menjadi masalah yang serius dan perlu dibendung bagi memastikan kesejahteraan golongan ini terus dapat dipelihara (Azura Tamat, Vellymalay, 2019). Ini berikutan golongan warga tua adalah antara generasi yang telah banyak menaburkan jasa dalam membangunkan negara. Kajian terbaru yang disokong Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah diterbitkan oleh Lancet Global Health mendapati 16 peratus warga tua berusia melebihi 60 tahun mengalami penderaan psikologi, 11.6 peratus mengalami penderaan kewangan, 4.2 peratus pengabaian, 2.6 peratus penderaan jasmani dan 0.9 peratus mengalami penderaan seksual. Peratusan ini akan meningkat dengan peningkatan jumlah warga tua di Malaysia dan seluruh dunia (Zaitie Satibi, 2017).

## **FAKTOR PENDORONG PENGABAIAN WARGA TUA**

Melalui analisa literatur pengkaji mendapati bahawa kebanyakan penulisan dalam bidang warga tua sama ada penulisan hasil kajian secara kualitatif mahupun kuantitatif mendapati bahawa terdapat faktor-faktor pengabaian warga tua adalah seperti yang berikut :

### **Sikap Individulistik Dan Materialistik**

Di Malaysia berlakunya pengabaian warga tua disebabkan sikap masyarakat yang telah dijajahi oleh aspek imperialisme individualistik dan materialistik yang cukup kuat (Noraini Che' Sharif et. al., 2015). Masyarakat moden kini lebih mengejar kebendaan, kekayaan dan nikmat kesenangan dunia berbanding daripada nilai sebuah kasih sayang antara anak-anak dan ibu bapa (Azura Tamat, Vellymalay, 2019). Ekoran keasyikan mencari wang untuk kesenangan dunia, anak-anak kadangkala meninggalkan warga tua ini bersendirian di rumah seharian dari pagi hingga ke malam. Perbuatan ini secara tidak langsung telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap jiwa golongan tua ini. Mereka akan merasakan diri mereka tidak diperlukan lagi. Perasaan ini akan

mengakibatkan warga tua ini merajuk dan cuba melarikan diri daripada permasalahan itu dengan keluar daripada rumah dan berjalan-jalan tanpa tujuan (Anon ,2015).

Dari Abdullah bin ‘Amr RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:  
“Allah SWT reda dengan sebab reda kedua ibu bapa dan Allah SWT murka dengan sebab murka kedua ibu bapa.” (Riwayat Tirmidzi, Ibnu Hibban & Al-Hakim).

Berdasarkan maksud hadis di atas, pengabaian ibu bapa mendatangkan kemurkaan Allah SWT dan hukumnya berdosa. Oleh itu, usaha menjaga warga tua dituntut dalam Islam serta selari dengan polisi utama negara Malaysia melalui Dasar Sosial Negara (DSN), Dasar Warga tua Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga tua Negara (PTWEN).

Gejala Si Tanggung Moden merujuk kehidupan masyarakat kontemporari yang melakukan penganiayaan terhadap warga tua yang dianggarkan sekitar 675,000 orang atau hampir 30% warga tua di Malaysia melalui 6 bentuk penganiayaan iaitu: (i) fizikal, (ii) kewangan, (iii) psikologi, (iv) sosial, (v) seksual dan (vi) pengabaian (Radzi, 2015). Gejala ini memperlihatkan hilangnya sifat dan nilai kemanusiaan sehingga sanggup bertindak di luar batasan terhadap ibu bapa mereka sendiri. Ia selari dengan kajian Che’Sharif et al. (2015) yang menyatakan bahawa pengabaian warga tua disebabkan 6 faktor utama iaitu (i) Anak-anak pentingkan kerjaya dan tinggal jauh, (ii) Jurang komunikasi antara warga tua dengan anak-Anak, (iii) Warga tua tidak percaya anak-anak boleh menjaganya, (iv) Anak-anak tidak tahan dengan kerenah warga tua, (v) Anak-anak mengalami masalah kewangan dan (vi) Taraf kesihatan warga tua.

### **Pentingkan Kerjaya**

Sikap masyarakat yang mementingkan kerjaya dan kemewahan hidup menjadikan tanggungjawab menjaga warga tua dianggap sebagai bebanan (Ismail et al., 2017; Che’Sharif et al., 2015; Nayan, 2006) serta menyebabkan penganiayaan dan pengabaian terhadap warga tua. Alasan seperti jawatan tinggi, kerja banyak, berkelulusan tinggi, tuntutan pendidikan dan aktif dalam pertubuhan sosial dalam masa yang sama perlu berperanan sebagai seorang isteri dan anak untuk menjaga keluarga dan ibu bapa menyebabkan timbul batasan peranan dan kegagalan dalam memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa (Azman & Mahmud, 2017; Azura Tamat, Vellymalay, 2019; Husin & Alavi, 2016; Siti Fatimah Salleh & Syh Noorul Madihah Syed Husin, 2014). Dianggarkan sekitar 675,000 orang atau hampir 30 % warga tua di Malaysia mengalami isu pengabaian (Radzi, 2015). Secara umumnya, masyarakat percaya bahawa kehidupan masa tua mereka akan diambil alih oleh anak-anak, khususnya anak perempuan. Walau bagaimanapun, keperluan untuk mencapai status negara maju yang menumpu kepada peningkatan taraf hidup sosial masyarakat menuntut kepada penglibatan wanita dalam pembangunan ekonomi keluarga. Akibatnya, ramai wanita perlu bekerja di luar rumah.

Menurut Aishah dan Katiman (2012), anak-anak kini sibuk dengan pendidikan, kerjaya dan keluarga sendiri. Menurut Awanis (2010), kesibukan anak-anak mengejar kejayaan berterusan tanpa hadnya sehingga ada yang sanggup menetap di luar negara untuk sesuatu tempoh masa tertentu bagi memastikan kejayaan sentiasa berada dalam genggamannya mereka. Tuntutan pendidikan, kerjaya dan keluarga menyebabkan sesetengah anak terpaksa berhijrah ke daerah, negeri atau negara lain sehingga ibu bapa tidak dihantar bantuan dan bergantung kepada belas

ihsan jiran terdekat (Husin & Alavi, 2016). Anak-anak pada zaman kini lebih mementingkan kerjaya daripada menjaga ibu bapa mereka yang telah uzur. Lebih-lebih lagi pada zaman moden ini, kerjaya adalah segala-galanya untuk mencapai kehidupan yang senang dan mewah. Oleh itu, anak-anak terpaksa memilih antara kerjaya atau menjaga warga tua. Disebabkan itu, keadaan ini menjadi halangan kepada mereka untuk menjaga dan melihat keperluan ibu bapa mereka sepenuhnya (Noraini Che' Sharif et. al., 2015). Trend ini meluas dan ketara berlaku di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Pulau Pinang. Di kawasan luar bandar, trend anak menjaga ibu bapa mereka masih kekal.

### **Jurang Komunikasi**

Selain itu, hambatan komunikasi yang menimbulkan jurang komunikasi antara warga tua dan anak-anak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pengabaian warga tua (Husin & Alavi, 2016). Apabila anak-anak meningkat dewasa dan mempunyai pendidikan dan kerjaya yang tinggi akan wujudnya jurang komunikasi dalam kalangan mereka. Selain itu, keadaan ibu bapa semakin tua, terdapat jurang komunikasi dengan anak-anak dan anak-anak yang berpelajaran tinggi dan berjawatan baik pula tidak berusaha untuk merapatkan jurang komunikasi antara mereka dengan kedua-dua ibu bapa mereka. Situasi ini menyebabkan ada orang tua yang tidak menaruh sebarang kepercayaan bahawa anak mereka akan sanggup menjaga sakit pening mereka lantas sanggup tinggal di rumah orang-orang tua kerana lebih mempercayai orang lain untuk menjaga mereka daripada anak kandung mereka sendiri (Noraini Che' Sharif et. al., 2015).

Namun kadangkala situasi di rumah-rumah jagaan warga tua juga timbul isu komunikasi apabila kecenderungan warga tua yang lebih suka berkomunikasi menggunakan loghat dan bahasa sendiri (khadijah Alavi, 2017). Perbezaan loghat dan bahasa ini boleh menjadi satu halangan yang besar dalam komunikasi berkesan di rumah-rumah jagaan dan kediaman anak-anak ketika bersama menantu yang berbeza bahasa serta loghat. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Gasiorek dan Giles (2012) mendapati terdapat segelintir golongan warga tua yang menggunakan komunikasi yang menyumbang kepada masalah dan kemarahan anak-anak serta generasi muda. Antaranya ialah perkataan dan ayat yang berulang-ulang, pertanyaan yang merendahkan kemampuan anak-anak, warga tua kerap marah, menengking dan menegur anak-anak dengan kasar. Krisis komunikasi interpersonal antara warga tua dan anak-anak boleh menyebabkan berlaku pelbagai pengabaian dalam kalangan warga tua.

### **Tidak Memberi Kepercayaan**

Menurut Noraini Che' Sharif et. al. (2015), faktor yang mendorong kepada berlakunya pengabaian dalam kalangan warga tua adalah disebabkan oleh sikap warga tua itu sendiri yang tidak mempercayai bahawa anak-anak boleh menjaganya dengan baik. Terdapat sesetengah warga tua yang bersikap tidak yakin terhadap anaknya boleh menjaga diri mereka dengan baik. Situasi ni menyebabkan warga tua lebih selesa tinggal bersendirian di rumah mereka dan enggan berpindah tinggal bersama anak. Apabila ibubapa enggan berpindah bersama anak-anak, jarak kediaman yang jauh mendorong anak-anak sukar untuk sering bertemu dan mengambil berat keperluan serta kebajikan ibubapa (Siti Fatimah Salleh & Syh Noorul Madihah Syed Husin, 2014). Terdapat juga anak-anak yang menggunakan alasan tersebut untuk mereka bersikap lepas tangan terhadap tanggungjawab menjaga ibu bapa (Azura Tamat, Vellymalay, 2019).

Terdapat ibubapa yang lebih cenderung untuk ke pusat penjagaan berbanding tinggal di rumah anak-anak mereka. Antara alasan yang dikemukakan adalah tidak selesa di rumah anak-anak, tidak mahu menyusahkan anak-anak, lebih selesa bersama rakan-rakan, ingin belajar agama dan ingin bersama kawan-kawan (Nor Raudah Siren, 2015). Bagi negara maju penempatan di pusat jagaan warga tua telah merupakan suatu keperluan yang lebih selesa dan terjaga ibu bapa daripada membiarkan ibu bapa sendirian di rumah. Kebanyakan warga tua yang ditempatkan di rumah jagaan warga tua akan bertemu dengan salah seorang anak mereka sekurang-kurangnya sekali dalam masa seminggu. Ini menunjukkan bahawa di Malaysia juga boleh mengamalkan cara sebegini bagi mengelakkan berlakunya pengabaian dalam kalangan warga tua.

### **Taraf Kesihatan Warga Tua**

Faktor kesihatan warga tua adalah antara faktor penyumbang kepada berlakunya pengabaian penjaga dan anak-anak terhadap golongan ini (Azura Tamat, Vellymalay, 2019; Husin & Alavi, 2016; khadijah Alavi, 2017). Apabila berlaku tahap kesihatan yang kronik terhadap warga tua, ianya menyukarkan anak-anak untuk menjaga mereka. Pada masa kini kebanyakan anak-anak bekerja makan gaji dan sukar untuk mendapat cuti bagi menguruskan warga tua yang sakit dan berulang-alik ke hospital mendapatkan rawatan. Jalan penyelesaian yang biasanya dipilih iaitu membiarkan warga tua bersendirian di rumah dalam keadaan sakit tanpa pengawasan daripada mana-mana pihak tertentu. Keadaan ini menimbulkan pengabaian dalam kalangan warga tua kerana mereka dibiarkan tanpa ada sesiapa yang memantaunya, lebih-lebih lagi kepada warga tua yang mengalami masalah ingatan dan kecelaruan mental.

Terdapat juga warga tua yang mengalami masalah kesihatan yang melibatkan pengurangan keupayaan mental seperti demensia, hilang upaya dan penyakit kronik yang lain. Penjagaan warga tua dalam situasi ini memerlukan penjagaan yang rapi, masa yang lebih panjang dan kos kewangan yang lebih tinggi. Ketidakeupayaan anak-anak dari aspek masa penjagaan dan kos menyebabkan mereka terpaksa menghantar ibu bapa ke rumah sakit tanpa melawat ibu bapa tersebut. Ada juga anak-anak membiarkan sahaja ibu bapa yang sakit di rumah sehingga meningkatnya kes warga tua kurang upaya dan sakit terlantar yang ditinggalkan di hotel, stesen bas, hospital, klinik tanpa belas kasihan (khadijah Alavi, 2017).

### **Masalah Kewangan**

Pendapatan yang diperolehi oleh anak-anak juga akan mendorong kepada berlakunya pengabaian dalam kalangan warga tua. Bagi golongan anak-anak yang berpendapatan sederhana adalah besar kemungkinan mereka tidak akan memberi wang perbelanjaan kepada ibu bapanya ini menyebabkan berlakunya pengabaian dari segi kewangan dan material. Sebagai seorang anak yang bertanggungjawab, seharusnya mereka menjaga hal-hal yang berkaitan dengan keperluan asas ibu bapanya seperti bekalan makanan yang berkhasiat, keselamatan, tahap kesihatan yang baik, dan lain-lain (Noraini Che' Sharif et. al., 2015).

Kos sara hidup dan kos perubatan yang sangat tinggi menyebabkan anak-anak berpendapatan rendah sukar untuk memberi komitmen dalam proses penjagaan di samping penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh juga menyebabkan timbulnya masalah dalam penjagaan ibu bapa (Nichols, 2017; Nawati et al., 2016; Abdullah et. al, 2015). Terdapat juga anak-

anak yang terpaksa berhenti kerja dan tidak mempunyai pendapatan yang tetap untuk menjaga ibu bapa yang telah tua dan uzur. Mereka terpaksa bergantung kepada kewangan warga tua tersebut (Husin & Alavi, 2016). Faktor ini memberi tekanan dalam keluarga seterusnya kebergantungan terhadap bantuan formal dan tidak formal bagi mengendalikan penjagaan ibu bapa khususnya warga tua yang uzur (Alavi et al., 2015).

### **Kerenah Warga Tua**

Sikap dan tingkahlaku warga tua sendiri adakala mendorong berlakunya pengabaian ke atas golongan ini. Ketika usia telah menjangkau usia tua, kebanyakan warga tua berubah sikap menjadi seperti keanak-anakan. Selain itu ada diantara mereka yang suka membebel, mudah marah dan terlalu mudah tersentuh hati lalu melakukan perkara-perkara yang dilarang, mengamuk dan memberontak menimbulkan kemarahan dan hilang kesabaran dikalangan anak-anak (Noraini Che' Sharif et. al., 2015). Bagi mengelakkan keadaan yang lebih parah dan hilangnya kesabaran anak-anak yang menjaga, mereka akan bertindak mendiamkan diri atau tidak menghiraukan warga tua tersebut. Keadaan ini jika berterusan akan menyebabkan berlaku pengabaian dan kesepian warga tua. Lebih menyedihkan lagi sehingga anak-anak enggan menyediakan makanan kepada ibu bapa lantaran kebimbangan dimarahi oleh mereka.

Menurut Noraini Che' Sharif et. al. (2015) lagi, warga tua yang meningkat usia akan mengalami perubahan dari segi perwatakan dan emosi. Mengikut Teori Perkembangan (Musim Akhir Levinson) proses transaksi pada umur antara 60 dan 65 tahun juga berlaku di mana seseorang merasakan mereka sudah tua dan terpaksa berhadapan dengan stereotaip yang negatif tentang umur tua termasuk perubahan fizikal dan juga sanggup melepaskan kehendak sendiri untuk mendapat tumpuan setiap masa. Dalam menghadapi kerenah warga tua, anak dewasa memerlukan bantuan dan sokongan sosial daripada pekerja sosial bagi membantu menangani masalah dan kerenah warga tua tersebut. Peranan pekerja sosial amat signifikan semasa warga tua dan anak dewasa dalam krisis.

### **Peranan Masyarakat Dalam Tangani Masalah Pengabaian Warga Tua.**

Sebagai masyarakat yang perihatin dan penyayang keperluan menangani masalah ini secara bersama adalah antara langkah yang boleh membantu menyelesaikan isu ini. Semua pihak bermula dari peringkat kerajaan sehingga kepada institusi kekeluargaan perlu berperanan dalam menangani permasalahan ini daripada terus meningkat.

### **Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diberi tanggungjawab untuk menjaga hal ehwal kebajikan warga tua. Dari aspek penyediaan pusat jagaan, terdapat sembilan buah Rumah Seri Kenangan (RSK) untuk 159 warga tua yang berupaya menguruskan diri. Manakala, dua buah Rumah Ehsan untuk warga tua yang terlantar dan tidak berupaya menguruskan diri serta memerlukan rawatan rapi di seluruh Malaysia. Penyediaan pusat penjagaan ini mampu mengurangkan risiko anak-anak

mengabaikan warga tua ekoran kesibukan bekerja, jarak kediaman yang jauh dari tempat kerja dan masalah kewangan.

Bagi Organisasi Bukan Kerajaan (NGOs), sebanyak 25 NGOs yang berdaftar di bawah JKM dengan mendapat bantuan kewangan telah menempatkan sejumlah 1997 orang warga tua di bawah jagaan mereka. Pada tahun 2014 sahaja, seramai hampir 6,000 warga tua menjadi penghuni di 11 buah pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta 165 pusat yang dimiliki badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta di seluruh negara (Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014). Selain pusat jagaan, terdapat sejumlah 22 Pusat Aktiviti Warga tua (PAWE) di bawah JKM yang dikendalikan oleh NGO telah ditubuhkan pada tahun 2012. PAWE disasarkan kepada warga tua yang sihat dan dapat menguruskan diri sendiri. Bagi memastikan warga tua dapat berdikari dan berinteraksi sesama mereka dan masyarakat setempat, pelbagai aktiviti dan program telah disediakan di pusat berkenaan seperti program keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan dan latihan serta kursus yang bersesuaian (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014). Kemudahan ini dapat menangani faktor kesihatan warga tua yang tidak mampu diurus oleh anak-anak dewasa.

Kemudahan Pusat warga tua mempengaruhi pemilihan jenis kehidupan masa tua. Kajian oleh Nor Raudah (2015) terhadap sejumlah 33 orang warga tua di Kompleks al-Jenderami (YAJ), sebuah pusat jagaan warga tua di Selangor mendapati bahawa kesemua responden memilih untuk menghuni YAJ kerana kemudahan yang disediakan mencukupi dan selesa. Ini menunjukkan bahawa warga tua yang mementingkan kemudahan akan lebih menggemari untuk mendiami pusat jagaan berbanding kediaman mereka bersama anak-anak.

### **Peranan Wang Simpanan**

Faktor kewangan penting sebagai persediaan hari tua. Kebolehan warga tua untuk kekal aktif, cergas dan sihat adalah bergantung kepada adanya wang yang mencukupi untuk menyokong keperluan kehidupan dan untuk bersosial dengan masyarakat (Personal Finance Research Centre, 2014). Kajian Suridah (2016), mendapati sumber pendapatan warga tua lelaki dan wanita di Besut Terengganu, semasa persaraan dapat dibahagikan kepada empat, iaitu pencen, bantuan kewangan daripada anak-anak, pendapatan sendiri bagi yang bekerja selepas bersara dan hasil daripada harta yang dimiliki. Pencen merupakan pendapatan utama semua warga tua lelaki dan wanita (Norlaila et al., 2009).

Kewujudan sistem yang baik dalam pengurusan wang simpanan golongan dewasa yang menuju ke usia tua dapat meringankan beban kewangan anak-anak untuk menjaga dan menyediakan keperluan rawatan warga tua. Kurangnya bebanan anak-anak dapat mengharmonikan kehidupan mereka bersama warga tua seterusnya mengurangkan risiko pengabaian.

### **Peranan Media Sosial**

Pihak kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti seharusnya mengambil tindakan yang wajar seperti mengadakan kempen-kempen yang berkaitan secara besar-besaran dan konsisten menerusi media massa iaitu mengenai punca-punca serta kesan dan akibat terhadap berlakunya pengabaian dalam kalangan warga tua. Peranan media massa adalah sangat penting dalam

menyampaikan sesuatu isu kepada masyarakat setempat, ini telah terbukti secara langsung bahawa masyarakat sangat mempercayai setiap paparan yang disampaikan oleh media massa.

Media massa terbahagi kepada dua iaitu media cetak dan media elektronik. Media cetak ialah surat khabar, poster, risalah dan lain-lain lagi. Manakala media elektronik iaitu merupakan iklan yang disiarkan menerusi televisyen, radio, internet dan sebagainya. Oleh itu, media massa ini boleh digunakan sebagai satu alat yang boleh menyampaikan segala maklumat kepada masyarakat. Di samping itu, segala maklumat yang disampaikan menerusi media massa ini dapat memberi kesedaran, pengajaran, atau sebagainya terhadap masyarakat yang melakukan pengabaian terhadap warga tua, keadaan ini turut dapat mengurangkan kes-kes pengabaian dalam kalangan warga tua (Noraini Che' Sharif et. al., 2015).

## **KESIMPULAN**

Penganiayaan dan pengabaian warga tua adalah suatu yang bertentangan dengan syariat Islam yang dipertanggungjawabkan kepada anak-anak. Kewajipan menjaga warga tua jelas dirakamkan dalam surah al-Isra' ayat 23 yang menekankan kewajipan anak-anak berbuat baik kepada ibu bapa serta memelihara dan menjaga mereka sehingga usia tua. Ia disokong oleh hadis Nabi SAW yang ditanya oleh para sahabat tentang amalan yang paling utama, Baginda menjawab solat awal waktu, diikuti berbakti kepada kedua ibu bapa seterusnya berjihad pada jalan Allah. Oleh yang demikian, anak-anak perlu mentaati, melayani, menyukai, merahmati, memberi hadiah dan memberi nafkah jika perlu selagi ia tidak bertentangan dengan kehendak agama Islam (Al-Bakri, 2018) seterusnya melakukan hubungan intergenerasi positif bagi melahirkan keluarga bahagia.

Merujuk kepada faktor-faktor pengabaian tekanan ekonomi adalah punca utama kepada berlakunya faktor-faktor yang lain ditambah dengan sikap individu itu sendiri. Jesteru kemajuan teknologi dalam era industri 4.0 bukanlah penghalang kepada peningkatan nilai kemanusiaan dalam menjaga warga tua apatah lagi mereka sebagai ibubapa. Pendekatan Islam yang diajar oleh Baginda SAW terhadap umat Islam dalam penjagaan warga tua perlu dijadikan tauladan dan relevan sebagai ikutan sepanjang zaman. Walaupun dilahirkan yatim dan ibunya meninggal dunia dalam usia Baginda SAW masih kecil, perwatakan dan akhlakunya terhadap warga tua tetap terserlah hasil didikan wahyu Allah SWT. Aspek terpenting dalam sokongan intergenerasi yang dipertanggungjawabkan terhadap anak dewasa ialah sokongan dan bantuan untuk satu atau lebih warga tua hasil hubungan timbal-balik hubungan kedua-dua pihak (Nawi et al., 2016; Abdullah & Mohamad, 2015) bagi melahirkan kesejahteraan keluarga. Selain itu sokongan masyarakat dan bantuan dari pihak bertanggungjawab adalah perlu diseirinkan agar kemajuan yang dicapai tidak mengabaikan nilai-nilai Islam dan kemanusiaan.

## **RUJUKAN**

Abdullah, F., Ah, S. H. A. B., & Mohamad, M. S. (2015). *Cabaran dalam Penjagaan Tidak Formal di Malaysia*. SARJANA, 30(2), 41-56.

- Aishah@Eshah Haji Mohamed, Katiman Rostam (2012). *Warga tua Melayu di pinggir wilayah metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri*. Malaysia Journal of Society and Space 8, 1-14.
- Al-Bakri, Z. M. (2018). *Hukum Menempatkan Ibu bapa di Rumah Orang Tua*. Bayan Linnas, 127. Diakses dari <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2294-bayan-linnas-siri-ke-127-hukum-menempatkan-ibu-bapa-di-rumah-orang-tua>
- Awanis Salleh. 2010. *Faktor Pengabaian Anak Terhadap Ibu Bapa*. <http://awanis29.blogspot.com/2010/05/rumusan-faktor2-pengabaian-anak.html> [3 Jun 2013]
- Che'Sharif, N., Alavi, K., Subramaniam, P., & Zamani, Z. A. (2015). *Pengalaman dan Faktor Pengabaian Warga tua dalam Komuniti* (Experiences and Factors of Negligence among Elderly in Community). e- Bangi, 10(1), 118-134.
- Fuzi, N. A. M., & Bakar, A. A. (2018). Home Ward Vs Home Help: *Pengalaman Bersama Komuniti Warga tua Di Thailand*. Human Sustainability Procedia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. [Cited 23 June 2017]. Available from: <http://www.jkm.gov.my>.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015) *Perangkaan wanita, keluarga dan masyarakat. Putrajaya; Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat*.
- Mohamad, N., Alavi, K., Mohamad, M. S., & Aun, N. S. M. (2017). *Pengalaman Sokongan Sosial Intergenerasi dalam Kalangan Warga tua di Institusi Kebajikan Awam* (Experience of Intergenerational Social Support among Elderly in a Public Welfare Institution). Akademika, 87(1), 65- 74.
- Nawi, N. H., Megat Ahmad, P. H., A. Malek, M. D., Cosmas, G., Ibrahim, H., Voo, P. & Kiyah, W. (2016). *Intergenerasi, Sokongan Psikologi dan Sosial Penjagaan Warga Tua dalam Pelbagai Etnik di Sabah*. Southeast Asia Psychology Journal, 4, 24-34.
- Ngah, F. H., & Lian, D. K. C. (2017). *Kualiti Hidup dan Aktiviti Fizikal Warga tua* (Quality of Life and Physical Activity in Elderly). Geografia-Malaysian Journal of Society and Space, 13(2), 44-53.
- Nichols, G. (2017). *'Quest for Quality': an evaluation of the impact on elderly care*. Fields: journal of Huddersfield student research, 3(1).
- Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam dan Zainah Ahmad Zamani. (2015). *Pengalaman dan Faktor Pengabaian Warga tua dalam Komuniti*. UKM. Journal of Social Sciences and Humanities.

- Norlaila Abu Bakar, Nor Aini Idris, Doris Padmini Selavaratnam (2009) *Kesejahteraan ekonomi warga tua di Malaysia: Perbezaan gender*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Kuantan, Pahang.
- Nur Syakiran Akmal Ismail (2016). *Mengurus Perdana Gender di Malaysia: Satu Tinjauan Konseptual*. Malaysian Journal of Society and Space 12, 160 – 171
- Personal Finance Research Centre (2014) *Financial wellbeing in later life*. University of Bristol
- Radzi, S. B. M. (2015). *Si Tanggung Moden Dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka*. Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, 31(2).
- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Safinah Ismail,(2016). *Faktor Pemilihan Pondok Oleh Warga tua: Kajian Di Pondok Yayasan AlJenderami, Selangor Dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan*. Jurnal Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Peradaban Islam Bil 9, Isu II.
- Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014) [Cited 23 June 2017]. Available from: [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my).
- Suridah Ali, (2016). *Kualiti hidup pesara lelaki dan wanita Malaysia: Kajian Kes di Besut, Terengganu*. Malaysian Journal of Society and Space 12, 11-21.
- Utusan Malaysia, (2013). *Jangka hayat wanita Malaysia kini 79 tahun*. [Cited 2 June 2017]. Available from: [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).
- Azman, N. F., & Mahmud, Z. (2017). Pengalaman Mengendalikan Pusat Penjagaan Warga Tua. In *Proceedings of Seminar on Transdisiplin Education (STEd2017)* (pp. 32–46).
- Azura Tamat, Vellymalay, S. K. N. (2019). Warga Emas dan Pilihan Penempatan di Pusat Jagaan Harian. *Journal Of Social Sciences and Humanities*, 16(4), 1–22.
- Bidin, A., Harun, N., Salleh, K., & Hamid, N. ‘Ashikin. (2019). Remedies for Elder Abuse Victim under Islamic Family Law in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(3), 439–448. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i3/5704>
- Husin, S. Z., & Alavi, K. (2016). Kerja Sosial di Hospital: Meneroka Pengabaian Dalam Kalangan Pesakit Warga Emas. *Journal Of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 462–484.
- Khadijah Alavi, M. H. M. (2017). Komunikasi Berkesan dengan Warga Emas : Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial Effective Communication with Senior Citizens : A Social Work Intervention Perspective. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 33(4), 21–37.

Nor Raudah Siren. (2015). Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di Kompleks Warga Emas al-Jenderami. *Jurnal Usuluddin*, 41(Januari-Jun), 73–93.

Siti Fatimah Salleh & Syh Noorul Madihah Syed Husin. (2014). Analisis Amalan Pemberian Nafkah Warga Kelainan Upaya: Kajian Di Taman Rahmat. *Journal of Business and Social Development*, 2(1), 94–103.

Zaitie Satibi. (2017). Kian ramai warga tua didera | Harian Metro. Retrieved March 17, 2018, from <https://www.hmetro.com.my/sihat/2017/07/243481/kian-ramai-warga-tua-didera>